

# KESUSASTERAAN MELAYU TRADISIONAL SEBAGAI WADAH KOMUNIKASI MASSA: SUATU ANALISIS

MUHD NORIZAM JAMIAN & SHAIFUL BAHRI MD RADZI  
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

## **Abstrak**

Makalah ini membincangkan kedudukan dan peranan kesusasteraan Melayu tradisional dalam konteks komunikasi massa. Selain itu, makalah ini juga bertujuan melihat bagaimana karya kesusasteraan Melayu tradisional menjadi medium penyampaian ilmu, pengajaran dan hiburan yang efektif kepada khalayaknya. Kajian ini menggunakan pendekatan konseptual iaitu cuba menganalisis bagaimana karya-karya kesusasteraan Melayu tradisional berperanan sebagai alat komunikasi yang berkesan untuk menyampaikan sesuatu maklumat atau mesej kepada khalayaknya. Model Source-Message-Channel-Receiver (SMCR) yang diperkenalkan oleh Wilbur Schramm (1982) dijadikan sandaran untuk melihat fungsi kesusasteraan Melayu tradisional sebagai wahana komunikasi massa.

**Kata kunci:** *Kesusasteraan Melayu tradisional, komunikasi, massa, Schramm, model SCMR*

## TRADITIONAL MALAY LITERATURE AS A MEDIUM OF MASS COMMUNICATION: AN ANALYSIS

### **Abstract**

This paper discusses the position and role of traditional Malay literature in the context of mass communication. In addition, this paper also aims to look at how traditional Malay literary works become the effective medium of knowledge, teaching and entertainment to the audience. This study uses a conceptual approach that is trying to analyze how the works of traditional Malay literature serve as an effective communication tool to convey information or a message to its audience. The Model of Source-Message-Channel-Receiver (SMCR) introduced by Wilbur Schramm (1982) relied on to see the traditional Malay literature as a means of mass communication.

**Keywords:** *Traditional Malay literature, communications, mass, Schramm, CMR model*

### **PENGENALAN**

Komunikasi massa adalah proses penyebaran maklumat dan hiburan kepada manusia sejagat. Dalam konteks hari ini, khalayak memperoleh pelbagai maklumat menerusi perantara media massa seperti buku, filem, televisyen, radio, surat khabar dan media atas talian. Berbeza dengan masyarakat kontemporari, masyarakat Melayu tradisional menggunakan karya sastera sebagai antara medium komunikasi. Karya-karya bertulis ini menjadi wahana penting untuk menyampaikan mesej dan maklumat kepada khalayaknya pada ketika itu.

Karya sastera merupakan karya yang indah dan berfaedah. Karya-karya ini dibentuk melalui jalinan dan siratan bahasa. Dalam Islam, sastera dikenali sebagai *al-adabi* iaitu sastera yang datang daripada jiwa yang halus (beradab) dan bertujuan mendidik serta mengasuh hati nurani khalayak dengan nilai-nilai murni sehingga jiwa mereka turut menjadi halus dan lembut. Sehubungan itu, sastera dianggap sebagai medium penjaga peradaban, penghimpun ajaran dan pernyataan yang dapat mendidik manusia dengan adab. Oleh sebab itu, karya-karya kesusasteraan Melayu tradisional ini menjadi perantara komunikasi massa yang amat penting dalam era tersebut. Kandungan karya-karya tersebut meliputi nilai, norma dan gaya hidup orang Melayu yang harus dikekalkan dan diwarisi oleh generasi akan datang (Samsudin 2001).

## **PERMASALAHAN DAN PERSOALAN KAJIAN**

Sastera menjadi antara medium komunikasi massa bagi masyarakat tradisional. Medium komunikasi ini boleh dibahagikan kepada dua bentuk iaitu sastera lisan dan sastera bertulis. Makalah ini cuba melihat kedudukan kesusasteraan Melayu tradisional bertulis dalam konteks komunikasi massa. Berbeza dengan situasi era kontemporari yang memperlihatkan kepelbagaian media komunikasi seperti buku, akhbar, majalah dan sebagainya, masyarakat Melayu tradisional menggunakan sastera sebagai medium didaktik dan hiburan. Sehubungan itu, makalah ini juga bertujuan melihat bagaimana karya kesusasteraan Melayu tradisional yang terdiri daripada pelbagai genre seperti sastera hikayat, sastera sejarah, sastera kitab dan sastera undang-undang serta ketatanegaraan menjadi medium penyampaian ilmu, pengajaran dan hiburan kepada khalayaknya.

## **PENDEKATAN KAJIAN**

Kajian ini menggunakan pendekatan konseptual dengan menganalisis bagaimana karya-karya kesusasteraan Melayu tradisional berperanan sebagai alat komunikasi yang berkesan untuk menyampaikan sesuatu maklumat atau mesej kepada khalayaknya. Model Source-Message-Channel-Receiver (SMCR) yang diperkenalkan oleh Wilbur Schramm (1982) dijadikan sandaran untuk melihat fungsi kesusasteraan Melayu tradisional sebagai wahana komunikasi massa. Walaupun model ini sudah berusia dan bersifat terlalu asas namun model ini tetap menjadi kerangka penting sebagai dasar dalam membicarakan konsep komunikasi massa. Penggunaan model ini dilihat bersesuaian dalam menganalisis kedudukan kesusasteraan Melayu tradisional sebagai medium komunikasi massa masyarakat pada abad ke-19 sebelum pengenalan mesin cetak.

## **DEFINISI KOMUNIKASI**

Terdapat pelbagai definisi komunikasi yang telah diberikan oleh para sarjana. Misalnya, Biagi (2011) mentakrifkan komunikasi sebagai “... *the act of sending messages, ideas and opinions from one person to another.*” Beliau menjelaskan bahawa komunikasi melibatkan perbuatan menyebarkan sesuatu maklumat, idea dan pandangan dari satu pihak ke satu pihak yang lain.

Sementara itu, Turow (2010) pula menjelaskan komunikasi sebagai hubungan atau interaksi antara manusia yang melibatkan penyebaran dan pemahaman sesuatu mesej. Mesej ini boleh terdiri daripada hiburan, maklumat atau pembujukan. Penyebaran mesej ini boleh dilakukan melalui pelbagai cara sama ada lisan atau visual, dengan sengaja atau tanpa sengaja. Maksud komunikasi ini diperjelaskan oleh Turow sebagai:

*“Communication refers to people interacting in ways that at least one of the parties involved understands as messages. Messages*


*might be entertainment, information, or persuasion; they might be verbal or visual, intentional or unintentional."*

Definisi ini disokong oleh Vivian (2002) yang menghuraikan komunikasi massa sebagai satu proses yang melibatkan kelompok komunikator (*mass communicator*) yang menyampaikan pelbagai mesej (*mass messages*) kepada khalayak yang besar (*mass audience*) menerusi perantara media massa (*mass media*).

## **ELEMEN-ELEMEN DALAM KOMUNIKASI**

Menurut Wilbur Schramm (1982), terdapat tiga elemen utama yang terlibat dalam sesuatu proses komunikasi. Elemen-elemen tersebut ialah sumber (*source*), saluran (*channel*) dan penerima (*receiver*) (Rajah 1).

Sumber merupakan pencetus atau pemula sesuatu mesej. Sumber ini boleh terdiri daripada seorang manusia, sekelompok manusia atau sebuah organisasi. Saluran pula ialah cara bagaimana sesuatu mesej sampai kepada penerima. Sementara itu, penerima pula ialah orang atau organisasi yang menerima mesej tersebut.



**Rajah 1 Model SMCR oleh Wilbur Schramm (1982)**

## **DAPATAN DAN PERBINCANGAN**

Kesusasteraan Melayu tradisional mengalami perkembangan yang amat pesat selepas Islam tersebar di Alam Melayu. Agama Islam dikatakan telah mula berkembang di Alam Melayu pada sekitar abad ke-13, iaitu pada zaman Samudera-Pasai. Perkembangan tersebut mencapai kemuncaknya pada abad ke-15 dengan berpusat di Melaka sebelum berterusan pada abad ke-16 di Aceh dan pusat-pusat kerajaan Islam selepasnya. Pada abad ke-16, hampir seluruh penduduk Kepulauan Melayu telah menganut agama Islam (Harun *et al.* 2006: 30-31). Kedatangan Islam ke daerah ini telah membawa perubahan dalam pelbagai aspek kehidupan masyarakat Melayu bukan sahaja dari segi iktikad tetapi juga pembaharuan dari segi penulisan (Siti Hawa 2002: 10). Tradisi penulisan berkembang dengan giatnya hasil pengenalan tulisan Jawi


manakala bahasa Melayu melalui proses transformasi daripada berperanan sebagai *lingua franca* menjadi bahasa ilmu bagi masyarakat Nusantara untuk menyebarkan ilmu pengetahuan. Kemunculan kerajaan-kerajaan Melayu-Islam seperti Pasai, Melaka, Johor, Aceh, Palembang dan Riau telah turut sama menggalakkan aktiviti penulisan dengan menjadi pusat-pusat kesusasteraan dan kebudayaan Melayu (Teuku Iskandar 1995: xvi-xxvii). Bermula dengan karya-karya berbentuk sastera kitab yang bertujuan untuk menyebarkan dakwah Islam, khazanah kesusasteraan Melayu tradisional terus berkembang dengan penghasilan pelbagai karya daripada genre berbeza seperti sastera sejarah, hikayat, epik, ketatanegaraan dan undang-undang.

Perkembangan kesusasteraan Melayu tradisional tidak dapat dipisahkan daripada peranan istana. Istana memainkan peranan sebagai sebuah skriptorium yang menjadi pusat penghasilan, penyalinan dan penyebaran hasil karya kesusasteraan Melayu tradisional (Ding 2003: 44-46). Hal ini kerana di situlah tempat berkumpulnya para pujangga, jurutulis, pengarang, alim ulama dan cendekiawan lain yang pandai menulis serta membaca. Kebolehan menulis dan membaca merupakan suatu kepandaian yang terbatas dan golongan yang menguasai kedua-dua bentuk kepandaian tersebut dianggap amat istimewa serta luar biasa. Golongan yang celik huruf ini sering kali mendapat perhatian istana dan akan diangkat sebagai pujangga untuk bertugas di istana (Siti Hawa 2002: 20-21). Wujudnya minat yang mendalam dalam kalangan golongan bangsawan seperti raja, para pembesar dan putera-puteri terhadap bidang ini turut menjadi faktor istana memainkan peranan penting sebagai pusat kesusasteraan. Sehubungan itu, lazimnya hanya putera-puteri raja sahaja yang berkelapangan untuk membaca atau mendengar orang membaca hikayat; raja-raja sahaja yang memerlukan sesuatu karya dihasilkan bagi menyusungalurkan keturunan dan legasi pemerintahnya; dan hanya golongan bangsawan sahaja yang memikirkan keperluan untuk mencatat serta merekodkan sesuatu peristiwa yang dirasakan penting sebagai pengetahuan generasi yang kemudian (Harun *et al.* 2006:59-60).

Secara umumnya, terdapat dua kelompok utama penulis yang wujud ketika itu, iaitu golongan ulama dan pujangga istana (Rajah 2). Kadangkala penulis daripada golongan ulama ini turut mendapat naungan istana. Di negeri yang mempunyai ramai ulama seperti Aceh, terdapat kelompok ulama yang rapat dengan istana atau golongan pemerintah dan terdapat juga kelompok yang menjauhkan diri daripada istana (Siti Hawa 2002: 20-21). Kelompok ulama yang berada di luar lingkungan istana menjadikan institusi-institusi pendidikan Islam seperti madrasah, pondok, masjid, langgar dan surau sebagai pusat pengajian serta penyebaran Islam. Selaku golongan yang paling rapat dengan Islam, ulama merupakan ilmuwan yang menguasai pelbagai bidang ilmu Islam seperti fikah, tauhid dan tasawuf. Mereka juga merupakan kelompok terawal yang menguasai tulisan Jawi. Dengan matlamat untuk menyebarkan ajaran Islam, golongan ulama ini telah menyalin, menterjemah dan menyadur pelbagai kitab dalam bahasa Arab ke dalam bahasa Melayu. Selain itu, terdapat juga para ulama yang aktif

menulis dan menghasilkan karya sendiri dengan memberi fokus terhadap topik-topik tertentu yang memerlukan penerangan lanjut berbanding kitab asalnya (Siti Hawa 2002: 13-14). Ilmu agama yang mereka kuasai disebarkan melalui karya-karya sastra kitab yang mereka hasilkan dalam bahasa Melayu.

Penghasilan karya-karya ilmu Islam dalam bahasa Melayu ini telah mentransformasikan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu yang menjadi medium penyebaran pelbagai cabang ilmu Islam (Ismail 1983: 37). Antara karya yang dihasilkan oleh golongan ulama yang berilmu dan bijaksana ini ialah *Sirat al-Mustaqim* (karya Nuruddin al-Raniri), *Mir'at al-Tullah* (karya Abdul Rauf Singkel), *Safinat al-Hukkam* (karya Syeikh Jalaluddin al-Tursani), *Sabil al-Muhtadin* (karya Syeikh Muhammad Arsyad bin Abdullah al-Banjari), *Sair al-Salikin* (karya Syeikh Abdul Samad al-Falimbani), *Bughyat al-Tullah* dan *Furu' al-Masa'il* (karya Syeikh Daud bin Abdullah al-Fattani) dan *Kasyfu al-Litham an As'ilah al-Anam* (karya Syeikh Zainal Abidin bin Muhammad al-Fatani). Di samping itu, kelompok penulis ulama ini juga menghasilkan karya-karya genre sastra ketatanegaraan yang ditujukan kepada golongan pemerintah sebagai panduan tentang tatacara untuk mentadbir negara. Kitab-kitab ketatanegaraan seperti *Bustan al-Salatin* (karya Nuruddin al-Raniri) dan *Taj al-Salatin* (karya Bukhari al-Jauhari) menjadi rujukan raja-raja dan pembesar untuk menjadi pemimpin yang adil dan bertanggungjawab. Selain itu, usaha turut dilakukan untuk menterjemah kitab-kitab ketatanegaraan Arab-Parsi seperti *Nasihah al-Muluk* karangan Imam al-Ghazali (Jelani 2006: xlii-xliii).



Rajah 2 Pengarang Melayu tradisional

Kelompok penulis yang kedua pula ialah para pujangga istana. Pujangga istana biasanya terdiri daripada orang-orang dalam atau orang-orang yang berkait rapat dengan istana, dan faham akan selok-belok kehidupan di istana yang diwarnai pelbagai peraturan, adat istiadat serta pantang larang (Siti Hawa 2002: 21).

Antara tugas pujangga istana ini ialah mengarang surat rasmi yang akan diutus kepada raja-raja lain, membaca surat-surat yang diterima oleh raja, mengarang syair, pantun dan seloka serta menyalin karya-karya seperti hikayat yang disukai oleh raja. Memandangkan tugas yang dilakukan adalah atas suruhan raja dan karya yang disalin pula bukan karangan penyalin itu sendiri serta sering tidak bernama, maka pujangga istana itu tidak meletakkan namanya di akhir naskhah yang disalinnya (Harun *et al.* 2006: 59). Situasi ini menyebabkan banyak karya kesusasteraan Melayu tradisional yang tidak mempunyai nama pengarang khususnya dalam genre sastera hikayat. Selain menyalin naskhah-naskhah yang sudah sedia wujud, pujangga istana juga diarah menghasilkan karangan baharu bagi memenuhi kehendak raja (Harun *et al.* 2006: 59). Hal ini lazimnya berlaku dalam penghasilan karya-karya bercorak historiografi. Misalnya penulisan *Sulalatus Salatin (Sejarah Melayu)* oleh Tun Seri Lanang adalah atas arahan raja sendiri. Hal ini tercatat dalam mukadimah *Sulalatus Salatin* (A. Samad 1986: 2): Demikian bunyi titah yang maha mulia itu:


*“Bahawa beta minta perbuatkan hikayat pada Bendahara, peri peristiwa dan peraturan segala raja-raja Melayu dengan istiadatnya sekali, supaya diketahui oleh segala anak cucu kita yang kemudian daripada kita, diingatkannya oleh mereka itu, syahdan beroleh faedahlah ia daripadanya.”*

Sering kali pula golongan pujangga istana yang berilmu dan bijaksana ini terdiri daripada kelompok bangsawan dan keluarga diraja sendiri. Hal ini dapat dibuktikan dengan kehadiran Tun Seri Lanang di istana Melaka, Raja Chulan di istana Perak dan Raja Ali Haji di istana Riau. Ilmu dan kebijaksanaan para pujangga istana ini dicurahkan ke dalam karya-karya agung mereka seperti *Sulalatus Salatin*, *Misa Melayu* dan *Tuhfat al-Nafis* untuk mengangkat dan mengagungkan negara-kota masing-masing. Karya-karya historiografi yang lahir di istana ini bukan sahaja eksklusif untuk raja mempertahankan status mereka sebagai golongan aristokrat tetapi juga menjadi santapan rohani mereka (Ismail 1974: 5). Sementara itu, di luar lingkungan istana, sastera lisan yang berkembang dalam kalangan rakyat menjadi santapan rohani rakyat biasa.

Hasil karya kesusasteraan Melayu tradisional yang dihasilkan oleh kedua-dua kelompok penulis ini pula menampilkan pelbagai watak yang dapat dijadikan contoh, panduan dan pedoman kepada khalayak. Tokoh-tokoh yang diangkat menjadi watak utama dalam karya tersebut mempunyai pelbagai sifat positif seperti berilmu dan bijaksana. Hal ini dapat dilihat misalnya antara lain dalam karya-karya seperti *Hikayat Isma Yatim*, *Hikayat Ali Bad Syah*, *Hikayat Maharaja Ali*, *Syair Siti Zubaidah*, *Sejarah Melayu (Sulalatus Salatin)*, *Hikayat Raja Pasai*, *Hikayat Merong Mahawangsa*, *Syair Perang Siak*, *Hikayat Hang Tuah*, *Taj al-Salatin*, *Bustan al-Salatin*, *Thamarat al-Muhimmah*, *Hikayat Bulan Berbelah*, *Surat al-Anbiya'*, *Hikayat Abu Syahmah*, *Hikayat Raja Jumjumah*, *Hikayat Ibrahim ibn Adham*, *Hikayat Iskandar Zulkarnain*, *Hikayat Muhammad Ali Hanafiyah* dan *Hikayat Amir Hamzah*. Karya-karya dalam pelbagai genre

tersebut mempunyai pengaruh yang amat besar kepada masyarakat dan menjadi ikutan kerana tokoh-tokoh seperti Isma Yatim, Siti Zubaidah, Tun Perak, Hang Tuah, Iskandar Zulkarnain, Muhammad Ali Hanafiah dan Amir Hamzah merupakan tokoh ideal yang wajar dijadikan contoh serta idola. Paparan watak-watak tersebut dalam kesusasteraan Melayu tradisional menegaskan kepentingan ilmu dan kebijaksanaan dalam diri setiap insan bagi melaksanakan tanggungjawab serta kewajipan selaku khalifah Allah SWT di muka bumi dan hamba-Nya yang Maha Kuasa.

Sehubungan dengan itu dapat dilihat pertalian dan proses komunikasi yang wujud antara pengarang, watak dalam karya serta khalayak dalam menyampaikan sesuatu mesej. Para pengarang yang berilmu dan bijaksana mencurahkan ilmu dan kebijaksanaan mereka ke dalam karya khususnya melalui watak-watak yang mereka hasilkan. Unsur ilmu dan kebijaksanaan yang ditampilkan menerusi watak-watak dalam karya ini pula akan dicerap dan dicerna oleh khalayak kesusasteraan Melayu tradisional sebagai contoh, panduan dan pedoman. Melalui proses kognitif, inti pati ilmu yang terkandung dalam kesusasteraan Melayu tradisional ini akan membentuk elemen kebijaksanaan dalam kalangan khalayak pula. Hal ini diperlihatkan menerusi Rajah 3.



**Rajah 3 Proses komunikasi menerusi kesusasteraan Melayu tradisional sebagai perantara**



Hubungan antara pengarang, watak dalam karya dan khalayak ini menepati model SMCR yang diutarakan oleh Schramm (1982). Pengarang-pengarang Melayu tradisi menjadi sumber sesuatu mesej atau maklumat yang ingin disampaikan kepada khalayaknya. Mesej ini boleh terdiri daripada pengajaran (didaktik), hiburan atau sebarang bentuk ilmu pengetahuan. Saluran mesej ini terdiri daripada pelbagai genre kesusasteraan Melayu tradisional seperti sastera hikayat, sastera sejarah, sastera undang-undang, sastera ketatanegaraan dan sebagainya. Khalayak mereka pula terdiri daripada masyarakat Melayu tradisional.

Walaupun pada asasnya peranan kesusasteraan Melayu tradisional sebagai wadah komunikasi massa menepati model SMCR namun jika ditinjau dengan lebih mendalam, terdapat dua aspek penting yang membezakan teks-teks kesusasteraan Melayu tradisional dengan medium komunikasi moden hari ini. Aspek pertama, karya-karya kesusasteraan Melayu tradisional ini disalin dengan tulisan tangan dalam usaha untuk memperbanyak dan menyebarkan liputan khalayaknya. Kerja-kerja menyalin ini dilakukan oleh golongan pujangga dan jurutulis istana yang mempunyai kemahiran serta keupayaan khusus untuk berbuat demikian, lazimnya atas arahan raja. Dengan menggunakan tulisan jawi, naskhah induk yang asal dibuat beberapa salinan mengikut keperluan dan permintaan golongan pemerintah tersebut. Sehubungan itu, teks-teks kesusasteraan Melayu tradisional ini terdedah kepada pengubahsuaian, tokoh tambah dan pengurangan di sana sini (Siti Hawa 2002: 50-67). Teks-teks yang disalin ini tidaklah seratus peratus asli dan sama seperti karya yang ditulis oleh pengarang asal sehingga menyebabkan munculnya beberapa versi naskhah bagi satu-satu judul tertentu. Perbezaan ini lazimnya terdapat pada nama watak, latar tempat, plot dan sebagainya sama ada atas sebab disengajakan atau kekhilafan penyalin itu sendiri. Meskipun berlaku pengubahsuaian semasa penyalinan karya-karya kesusasteraan Melayu tradisional ini namun ia tidak menjejaskan inti pati karya tersebut. Mesej utama sesebuah karya yang cuba disampaikan oleh pengarang asal tetap kekal terpelihara.

Aspek kedua yang membezakan karya kesusasteraan Melayu tradisional sebagai medium komunikasi massa berbanding media komunikasi moden ialah cara karya tersebut dipersembahkan kepada khalayaknya. Tidak seperti media cetak pada hari ini, teks-teks kesusasteraan Melayu tradisional dibacakan atau dipersembahkan kepada khalayaknya secara beramai-ramai dan bukan dibaca secara individu oleh khalayak itu sendiri (Siti Hawa 2002: 12). Dengan kata lain, karya kesusasteraan Melayu tradisional ini dihasilkan lebih untuk didengar daripada dibaca (Amin Sweeney 1980: viii).

Pembacaan dan penikmatan secara beramai-ramai ini menyebabkan hasil kesusasteraan Melayu tradisional dipersembahkan berserta nada, intonasi dan gaya tertentu, tidak statik seperti paparan media cetak pada hari ini. Syair dan gurindam dalam teks juga akan dilagukan dan disampaikan dengan begitu indah sekali. Unsur emosi yang terjana semasa teks-teks kesusasteraan Melayu

tradisional ini dibacakan menyebabkan mesej pengarang berjaya disampaikan dengan lebih berkesan kepada khalayaknya. Sebagai contoh, peristiwa pahlawan-pahlawan Melaka mendengar salah seorang daripada mereka membacakan *Hikayat Muhammad Hanafiah* pada malam sebelum berperang dengan tentera Portugis telah berjaya menaikkan semangat juang mereka untuk menentang musuh (A. Samad 1986: 268):

*Maka Sultan Ahmad pun mengampungkan orang dan disuruh berhadir senjata; maka hari pun malamlah, segala hulubalang dan segala anak tuan-tuan semuanya bertunggu di balairung. Maka kata segala anak tuan-tuan itu, "Apa kita buat duduk saja ini? Baik kita membaca hikayat perang, supaya kita beroleh faedah daripadanya." Maka sahut Tun Muhammad Unta, "Benarlah seperti kata tuan-tuan itu; baiklah Tun Indera Segara pergi pohonkan Hikayat Muhammad Hanafiah, sembahkan mudah-mudahan dapat patik-patik itu mengambil faedah daripadanya, kerana Peringgi akan melanggar esok hari."*

## **KESIMPULAN**

Karya-karya kesusasteraan Melayu tradisional memainkan peranan penting dalam menyampaikan sesuatu mesej dan seterusnya menjana kebijaksanaan insan. Elemen kebijaksanaan ini disampaikan melalui pelbagai bentuk ilmu yang terkandung dalam teks kesusasteraan Melayu tradisional untuk dicerap dan dicerna oleh akal khalayaknya. Para pengarang yang berilmu dan bijaksana mencurahkan ilmu dan kebijaksanaan mereka ke dalam karya khususnya melalui watak-watak yang mereka hasilkan. Melalui proses kognitif, unsur ilmu dan kebijaksanaan yang ditampilkan menerusi watak-watak dalam karya ini pula akan dicerap dan dicerna oleh khalayak kesusasteraan Melayu tradisional sebagai contoh, panduan dan pedoman. Hal ini menjelaskan peranan yang dimainkan oleh kesusasteraan Melayu tradisional sebagai alat komunikasi massa sejajar dengan model komunikasi Wilbur Schramm.

## **BIODATA PENULIS**

**Muhd Norizam Jamian** merupakan pensyarah di Pusat Pengajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu (PPBKKM), Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang pengkhususan beliau ialah Kesusasteraan Melayu Tradisional.

**Shaiful Bahri Md Radzi** merupakan Profesor Madya di Pusat Pengajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu (PPBKKM), Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang pengkhususan beliau ialah Kesusasteraan Lisan dan Folklor.

## RUJUKAN

- Samad Ahmad (pngr.). 1986. *Sulalatus-Salatin: Sejarah Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Baran, S. J., & Davis, D. K. (2012). *Mass Communication Theory: Foundation, Ferment, and Future*. 6th ed. Boston, MA: Wadsworth.
- Biagi, S. 2015. *Media/Impact: An Introduction to Mass Media*. 11th ed. USA: Cengage Learning.
- Ding Choo Ming. 2003. *Kajian Manuskrip Melayu: Masalah, Kritikan dan Cadangan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications.
- Dominick, J. R. 2008. *The Dynamics of Mass Communication*. 10th ed. New York: McGraw Hill.
- Haidir Fitra Siagian, Mohd. Yusof Hj. Abdullah, Normah Mustaffa & Fauziah Ahmad. 2014. Bentuk komunikasi penyertaan ulama selaku pemimpin pendapat dalam menyokong pembangunan nasional di provinsi Sulawesi Selatan. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication* 30 (Special Issue): 75-94.
- Harun Mat Piah, Ismail Hamid, Siti Hawa Salleh, Abu Hassan Sham, Abdul Rahman Kaeh dan Jamilah Haji Ahmad. 2006. *Kesusasteraan Melayu Tradisional* (Edisi ketiga). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ismail Hamid. 1983b. *The Malay Islamic Hikayat* (Monograph 1). Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ismail Hussein. 1974a. *Sastera dan Masyarakat*. Kuala Lumpur: Pustaka Zakry Abadi.
- Jelani Harun (pngr.). 2006. *Nasihat al-Muluk: Nasihat kepada Raja-raja*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohamad Md Yusoff. 1985. Komunikasi tanpa lisan: satu tinjauan ringkas. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication* 1: 64-72.
- Moores, S. 2005. *Media/Theory: Thinking About Media and Communications*. New York: Routledge.
- Norhuda Salleh. 2014. Tepak sirih: komunikasi bukan lisan dalam adat perkahwinan Melayu. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication* 30 (Special issue): 177-190.
- Samsudin A. Rahim. 2001. Media dan identiti budaya: membangunkan industri kandungan tempatan yang berdaya tahan. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication* 17: 67-80.
- Schramm, W. 1982. *Men, Women, Messages, and Media: Understanding Human Communication*. 2nd ed. New York: Harper & Row.
- Siti Hawa Haji Salleh. 2002. *Kesusasteraan Melayu Abad Kesembilan Belas*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Siti Hawa Haji Salleh. 2009. *Kelopak Pemikiran Sastera Melayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Teuku Iskandar. 1995. *Kesusasteraan Klasik Melayu Sepanjang Abad*. Brunei: Jabatan Kesusasteraan Melayu, Universiti Brunei Darussalam.

- Turow, J. 2010. *Media today: An Introduction to Mass Communication*. New York: Routledge.
- Vivian, J. 2013. *The Media of Mass Communication*. 11th ed. Upper Saddle River, N.J.: Pearson.
- Wan Fairuz Wan Mustaffa. 1985. Tinjauan peranan komunikasi dalam pembangunan. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication* 1: 11-20.
- Werner, J. S. & James, W. T. Jr. 2009. *Communication Theories: Origins, Methods and Uses in the Mass Media*. 5th ed. Singapore: Pearson.